

02 NOV 1999

Parlimen-Bahas

PENJELASAN KARPAL CETUS PERTIKAMAN LIDAH

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Penjelasan Karpal Singh (DAP-Jelutong) di Dewan Rakyat mengenai tindakannya menjadi peguam bela Datuk Seri Anwar Ibrahim menggamatkan dewan sehingga Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail terpaksa menenangkan keadaan apabila anggota DAP lain dengan penyokong-penyokong kerajaan mula cabar mencabar antara satu sama lain.

Pertikaman lidah bermula apabila Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) yang sedang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 itu membaca laporan muka depan Utusan Malaysia hari ini yang bertajuk "Aduan Siasat Karpal".

Ketika sedang membaca laporan itu, Karpal bangun dan mendakwa aduan yang dibuat itu tidak berasas dan berkata kumpulan itu adalah kumpulan haram dan polis patut menyiasat mengenai kewujudannya.

"Mana ada perbuatan saya yang menyalahi undang-undang," katanya sambil mempertahankan tindakannya membela Anwar.

Belum habis beliau bercakap, Wan Hanafiah Wan Mat Saman (BN-Pokok Sena) pula bangun sambil membaca Hansard (catatan perbahasan di dewan) bertarikh 18 Dis 1997 yang menyebut Karpal pernah menyoal kerajaan mengapa tindakan tidak diambil terhadap Anwar yang didakwa terlibat dalam salah laku seks.

"Dia minta kita (kerajaan) ambil tindakan. Bila kita ambil tindakan (sekarang) dia bela (Anwar) pula," kata Wan Hanafiah.

Pertikaman lidah itu berterusan antara Karpal, Wan Hanafiah, Noh Omar (BN-Tanjong Karang) dan Jamaluddin sehingga Mohamed Zahir mencelah dan meminta semua terbabit menyerahkan perkara itu kepada Majlis Peguam.

Laporan muka depan Utusan Malaysia hari ini menyebut sekumpulan 71 orang terdiri daripada peguam, ahli korporat, wakil NGO dan individu yang menamakan diri mereka Badan Bertindak Rakyat Anti-Karpal Singh membuat aduan rasmi meminta Majlis Peguam menyiasat Karpal demi memelihara kesucian undang-undang negara.

Badan itu menyediakan beberapa bukti menunjukkan bahawa Karpal pernah membuat kenyataan mengenai salah laku seks Anwar secara terbuka tetapi mengambil keputusan menjadi peguam belanya.

Anwar, 52, sedang dibicarakan bersama adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 38, terhadap tuduhan meliwat bekas pemandu peribadi isterinya, Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini, pada suatu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Noh bangun bertanya Karpal kenapa dia tidak mengambil kes Ummi Hafilda dan Azizan Abu Bakar yang berjumpa dengannya terlebih dahulu dan adakah kes Anwar diambil kerana dia (Anwar) merupakan bekas Timbalan Perdana Menteri.

Pada ketika ini, Mohamed Zahir dengan tegas meminta anggota terbabit supaya membiarkan perkara yang sedang dibincangkan itu diselesaikan oleh Majlis Peguam.

"Tak payahlah bawa perkara ini di dewan ini," Mohamed Zahir.

Karpal semasa membahaskan rang undang-undang itu menggunakan kesempatan menjawab pertuduhan yang dibuat terhadapnya dan berlaku sekali lagi perbalahan apabila penyokong kerajaan yang bangun meminta penjelasan daripadanya tidak dilayani malah hanya memberi laluan kepada rakan yang duduk di sebelahnya Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) yang bangun meminta penjelasan.

Keadaan riuh dengan sekali sekala terkeluar perkataan-perkataan seperti bodoh, baghal, bai (singh), kerbau, rusa dan otak kecil itu, memaksa Timbalan Speaker Datuk Ong Tee Keat yang sedang mempengerusikan majlis,

meminta semua pihak bertenang dan elak daripada mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh menyakitkan hati anggota Dewan yang lain.

Karpal yang meneruskan ucapannya turut menyentuh isu mengenai tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan akan hanya menjadi saksi jika ditanya mengenai kes salah laku seks Anwar sahaja.

"Contoh Perdana Menteri ini tak baik. Saya takut nanti saksi-saksi lain juga boleh berkata demikian," katanya.

Pada ketika ini, Karpal ditegur oleh Ong yang meminta supaya tidak membuat andaian.

Karpal pula menjawab, "Harap Perdana Menteri datang. Saya jumpa dia di sana (mahkamah) lebih baik," katanya mengakhiri ucapan perbahasannya.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) mencadangkan kerajaan melaksanakan Program Pembelaan bagi pelajar Bumiputera dalam mata pelajaran Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi khasnya selepas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Beliau berkata, program itu penting sekiranya kerajaan bercadang menambah pengambilan pelajar sains dan teknologi di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada masa hadapan.

"Pengetahuan mereka dalam bidang tersebut perlu dimantapkan sebelum mereka disalurkan ke IPT di bidang sains dan teknologi. Jika tidak, mereka akan ketinggalan jauh di belakang yang bukan Bumiputera," katanya.

Ruhanie berkata program seumpama itu pernah dijalankan oleh Universiti Teknologi Mara dan telah terbukti berjaya kerana pelajar lepasan program itu kini ramai yang menjadi jurutera, arkitek dan ahli korporat yang berjaya.

Katanya, jika kerajaan sanggup membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memulihkan generasi muda yang terjebak dengan dadah dan sebagainya, maka kerajaan juga sepatutnya bersedia untuk melabur untuk program pembelaan itu.

Husni Hanadzlah (BN-Tambun) semasa menyokong rang undang-undang itu berkata kedudukan umat Islam di negara ini akan menjadi lemah sekiranya fahaman pelampau di kalangan sesetengah orang Melayu dibiarkan terus menular.

Menurutnya, sikap pelampau yang ditunjukkan oleh PAS misalnya akan melemahkan umat Islam kerana ia menyebabkan perpecahan dan pertelingkahan kerana perkara yang remeh.

Beliau berkata seorang ulama Islam, Dr Yusof Qardhawi telah menggariskan antara ciri-ciri pelampau ialah taksub, kasar serta kesat, prasangka dan mengkafirkan sesama umat Islam.

"Semua ciri yang digariskan itu jelas wujud pada parti PAS," katanya. Persidangan disambung esok.

--BERNAMA

NY MAI